

Qalam

Bilangan 53- Rabiul Akhir 1374- Disember 1954- 60 sen

Perwakilan Malaya Di Kongres Bahasa di Medan


Apa yang terjadi atas “Perwakilan Malaya” di dalam Kongres Bahasa di Medan itu sebenarnya seperkara yang sememangnya telah menjadi sangkaan kita terlebih dahulu. Pemergian “ahli-ahli bahasa” kemudian itu dengan lantikan Kongres Bahasa dengan cara yang terburu-buru dahulu itu sekarang telah zahir kesannya yang nyata oleh sebab di dalam masa melakukan pemilihan itu terbit sentimen atau dengan nyatanya berebut mengambil peluang sehingga tidak difikirkan langsung adakah orang yang diserahkan mewakili orang-orang Melayu semenanjung atas bahasanya itu sebenarnya orang-orang yang layak atau yang berkebolehan di dalam perkara bahasa, yang boleh diketengahkan untuk berbahas dan berunding di dalam perkara bahasa berhadapan dengan mahaguru-mahaguru yang mengadakan penyelidikan berbulan-bulan terlebih dahulu sebelum memberi “peri ada bais” atau “pra usul” di hadapan ramai itu.

Sebelum perwakilan itu pergi entah kerana tidak memerhatikan sangat tujuan-tujuan atau di mana letaknya Bahasa Melayu di Indonesia, tidak difikirkan lebih dahulu apakah peri ada bais yang patut dikemukakan dengan mempunyai suatu isi yang mempertalikan atau yang boleh dijadikan perbahasan di atas cita-cita untuk merapatkan pertalian di antara bahasa yang satu itu di dalam perkara ejaan, persuratan, dan pengambilan-pengambilan bahasa di antara daerah-daerah yang terlingkung di antara keduanya.

Peri ada bais yang diberi oleh wakil dari Malaya

Al-Hāji Agus Salim

Kembali ke rahmatullah



Al-Hāji Agus Salim, “orang besar tua” filsuf, pujangga, ahli kebudayaan Islam Indonesia yang terkemuka telah kembali ke Raḥmatullāh Ta‘ālā di Jakarta pada hari khamis 8 Rabī‘ul awwal 1374 (4 november 1954) dalam usia 70 tahun.

Bukan sahaja Indonesia dan Malaya bahkan seluruh dunia turut bersedih dan berdukacita atas kehilangan “Bapa Indonesia” dan pahlawan Islam yang kebilangannya ini.

*Taghmaduhu Allāh biraḥmatih wa askunuhu
fasiya al-jannān*